

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 28/6/2012
Hari: Khamis MS: 2
Ruangan: GRC DUA

■ DARI MEJANC

AGENDA pembinaan bangsa (*nation-building*) masih merupakan satu misi penting bagi Malaysia. Walaupun kita telah merdeka lebih lima dekad yang lalu dan mencapai tahap kemajuan sosio-ekonomi yang amat baik, namun proses pembinaan bangsa di Malaysia tidak menunjukkan banyak kemajuan yang memberangsangkan.

Walaupun sejak peristiwanya 13 Mei 1969, hanya terdapat beberapa insiden kecil persekembangan dan pergaduhan melibatkan etnik berbeza di Malaysia, namun ini tidak boleh dijadikan ukuran bahawa tahap perpaduan kita telah mencapai peringkat kesempurnaan.

Politik kita masih tebal dengan unsur kaum dan etnik. Corak pengundian dan isu politik negara masih dirangap dengan mengunakan kaca mata kaum dan etnik. Struktur ekonomi kita juga tidak terlepas daripada pengaruh etnik walaupun terdapat banyak kemajuan ekonomi dan pembangunan yang dicapai sejak negara merdeka.

Paling kelara, masih ramai antara ibu bapa di Malaysia terus menghantar anak mereka bersekolah di sekolah yang memisahkan anak-anak mengikut garis etnik. Sekolah Kebangsaan masih tidak popular dan tidak menjadi pilihan di kalangan ibu bapa bukan Melayu, khususnya etnik Cina bagi menghantar anak mereka belajar.

Agenda pembinaan bangsa

Rakyat masih tidak terlepas daripada pengaruh etnik walaupun negara capai banyak kemajuan

Persolannya ialah, mampukah kita mencapai hasrat dan matlamat melahirkan sebuah Bangsa Malaysia yang bersatu padu jika sekiranya sistem persekolahan kita masih memetak-metakkan anak-anak mengikut kaum dan etnik masing-masing? Tidak terbantutkah proses pembinaan bangsa di Malaysia jika sekiranya sistem persekolahan dan sistem pendidikan kita terus memisahkan anak-anak kita sebagai satu tempoh masa yang tidak diketahui entah berapa lama ianya akan berubah?

Justeru, sempena dengan usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam rangka merombak semula sistem pendidikan negara, saya menyeru supaya agenda pembinaan sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan kukuh tahap integrasi dan kesepaduan rakyat diberikan keutamaan

dan perhatian yang paling utama. Tiada ertinya merombak dan melakukan transformasi sistem pendidikan, sekiranya kita masih meneruskan acuan pra-merdeka ini yang berterusan memisahkan anak kita yang masih kecil mengikut garis-garis etnik sejak daripada tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah. Kita kemudiannya mengharapkan apabila mereka masuk universiti tempatan atau setelah mereka mula bekerja, baharulah anak-anak muda Malaysia ini mula berinteraksi dengan rakan-rakan bersekolah daripada etnik yang lain. Ini sudah sangat tertambat.

Saya ingin mengemukakan E.D Hirsch, Jr (1987:73) seorang tokoh sosiologi pendidikan terkenal Amerika yang menulis dalam bukunya "Cultural Literacy".

"Bagi memenuhi keperluan ekonomi yang lebih luas, negara perlu industri moden perlu kepada literasi

yang meluas. Teras bagi sesebuah pemerintahan moden ialah pengajaran literasi dan budaya sepunya/bersama melalui sistem pendidikan nasional."

Sekolah dan institusi pendidikan ialah landasan dan proses paling berkesan bagi membolehkan anak-anak kita daripada berbilang latar belakang etnik berinteraksi dan belajar mengenali antara satu dengan lain. Institusi pendidikan adalah agen sosialisasi paling ampuh bagi pembinaan sesebuah negara bangsa dalam jangka panjang.

Justeru, kita harus berani untuk mengakui bahawa sejak lima puluh tahun lalu, kita memisahkan peluang membina sebuah bangsa Malaysia melalui sistem pendidikan. Kita terlalu tunduk kepada tekanan politik etnik dan perkauman, lalu membiarkan proses pembinaan negara-bangsa melalui agenda pendidikan terbantut. Justeru,



NAIK Canselor UUM,
Prof. Datuk Dr. M. Mustafah Isahak.

dalam agenda transformasi sistem pendidikan yang sedang giat dilaksanakan kini, apakah kita masih mahu mengekalkan acuan dan kerangka sistem pendidikan lapuk yang terus memisahkan anak-anak kita mengikut garis-garis etnik? Apakah ini bukan merupakan masa paling sesuai untuk menyatupadukan negara menjadi sebuah negara-bangsa moden, dinamik dan kuat melalui sistem pendidikan yang menyatukan dan bukannya memisahkan-misahkan rakyat atas garis etnik?